

Penggunaan Metafora dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis

Mohamad Fazlon Abdul Wahab

mohamad_fazlon_abdul_wahab@moe.edu.sg

Salinah Rahman

salinah_rahman@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Tampines North

Abstrak

Kajian ini meneliti penggunaan bahasa figuratif iaitu metafora dalam penulisan karangan naratif dalam kalangan murid Darjah 5. Guru mendapati bahawa murid-murid Darjah 5 boleh mengarang mengikut tajuk, gambar dan kata bantu yang diberi. Namun, penggunaan bahasa figuratif yang terdapat dalam karangan naratif mereka agak terhad. Kekurangan ini menyebabkan hasil karangan mereka kurang menarik dan sukar untuk mereka mendapat markah yang tinggi dalam ujian karangan. Strategi pengajaran secara eksplisit telah digunakan untuk mengajar metafora ini untuk membantu murid-murid menghasilkan karangan yang lebih menarik. Metafora dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan bahasa figuratif yang perlu didedahkan kepada murid-murid pada peringkat atas di sekolah rendah. Hasil daripada pengajaran bahasa figuratif metafora ini, ayat-ayat murid-murid dalam penulisan karangan mereka didapati lebih menarik dan bermutu dari segi bahasa dan kosa kata.

Kata Kunci: bahasa figuratif, metafora, pengajaran secara eksplisit, Karangan naratif



PENGENALAN

Penggunaan metafora dalam penulisan karangan naratif merupakan salah satu usaha guru untuk mengatasi masalah kelemahan murid dalam penulisan karangan naratif. Guru mendapati secara keseluruhan, murid lebih berminat untuk memilih karangan jenis naratif kerana beranggapan bahawa karangan jenis ini lebih mudah. Namun, hasil karangan pelajar didapati mengandungi kelemahan penggunaan bahasa yang ketara dan mutu jalan cerita kurang menarik. Karangan murid akan lebih menarik sekiranya bahasa yang digunakan menunjukkan kreativiti penulis.

Bagi menghasilkan penulisan karangan jenis naratif yang baik, murid digalakkan membina ayat-ayat yang menggunakan perkataan dalam gaya bahasa yang indah dan menarik. Selain itu, penggunaan bahasa figuratif dalam karangan bertujuan untuk meningkatkan nilai estetika dan juga menimbulkan daya tarikan kepada pembaca. Oleh yang demikian, guru-guru di Sekolah Rendah Tampines North telah menjalankan pengajaran metafora dengan kaedah Pengajaran Secara Eksplisit.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti:

1. gaya bahasa yang murid gunakan dalam karangan naratif murid Darjah 5;
2. keberkesanan pengajaran secara eksplisit untuk mengajar murid-murid menggunakan metafora dalam penulisan karangan naratif mereka; dan
3. kekerapan penggunaan bahasa figuratif dalam karangan naratif murid.

Penulisan yang menggunakan metafora juga dapat menjamin wujudnya nilai estetik dalam penulisan murid. Bagi pihak guru pula, kajian ini diharapkan mampu memberikan pencapaian dan tahap kemahiran murid menggunakan metafora dalam penulisan karangan mereka.



PERNYATAAN MASALAH

Murid lazimnya tidak menggemari pembelajaran karangan terutama karangan naratif. Bagi mereka aktiviti menulis karangan ini merupakan sesuatu aktiviti yang dianggap susah dan membosankan. Salah satu sebab ini adalah kerana kebanyakan daripada murid-murid ini kurang menggunakan bahasa Melayu dan ada yang menggunakan gabungan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam perbualan seharian di rumah. Mereka juga kurang membaca buku-buku cerita Bahasa Melayu.

Faktor ini menyebabkan murid berasa kurang yakin untuk membina ayat dalam bahasa Melayu seperti dalam pembelajaran karangan. Murid-murid sekolah rendah juga mempunyai masalah menggunakan gaya bahasa yang betul semasa menulis karangan. Kelemahan ini boleh menjejaskan mutu karangan murid dari segi nilai estetika dan keindahan bahasa.

Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada pembelajaran dan penulisan karangan melalui pengajaran secara eksplisit untuk mengajar murid-murid menggunakan metafora dalam penulisan karangan naratif mereka. Kajian ini sesuai dijalankan berdasarkan kualiti dan kuantiti penulisan karangan yang menggunakan gaya bahasa figuratif Metafora dalam penulisan karangan mereka.

KAJIAN LEPAS

Yahya Othman dan Nurliham Haji Tuah (2011) mendapati aspek penggunaan gaya bahasa kurang diberikan perhatian oleh pelajar semasa menulis karangan. Hal ini menyebabkan kualiti penulisan dari segi nilai estetika kurang wujud dalam teks yang dihasilkan. Terdapat juga pelajar yang tidak mahir menggunakan gaya bahasa yang menarik dalam penulisan karangan. Oleh itu, pengajaran menggunakan gaya bahasa yang menarik penting dalam penulisan karangan naratif.



Kajian Pengajaran ini menggunakan Strategi Pengajaran Eksplisit. Kaedah *Modeling* sering ditekankan dalam pengajaran eksplisit. Dalam kaedah pengajaran eksplisit, *Modeling* merupakan komponen penting. *Modeling* dilaksanakan bagi memberikan pengetahuan dan tunjuk cara yang dapat membimbing murid untuk melakukan tugas selanjutnya secara sendiri. Selain kaedah *Modeling*, pembelajaran secara koperatif juga mampu memberi ruang bagi murid belajar dalam suasana positif yang saling membantu pembelajaran. Pembelajaran koperatif dalam kerja berkumpulan juga dapat memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama dan bantu-membantu. Murid yang lebih baik membantu murid yang lemah dan hal ini membina suasana bekerjasama dalam kumpulan yang dinamik. Interaksi antara murid yang positif merangsang pembelajaran secara keseluruhannya.

Menggunakan *Modeling* dalam pengajaran dan pembelajaran ialah satu kaedah pengajaran yang berkesan. Menurut Mayer (1989), melalui *Modeling*, murid belajar menyelesaikan masalah dan memperbaiki pencapaian melalui apa yang dipelajari murid.

“Conceptual models have visual representations of what concepts mean and how they work improve student recall of the concept and performance on problems that ask them to extrapolate from what they have learned...” (Mayer, 1989)

Strategi Pengajaran eksplisit juga menggalakkan murid-murid membuat kerja berkumpulan. Wells (1990) pula berpendapat murid belajar membaca, menulis dan berfikir dengan terlibat dalam interaksi yang bermakna dengan golongan murid yang lebih berpengalaman. Kebiasaannya, golongan yang berpengalaman ini terdiri daripada rakan-rakan mereka sendiri.

Menurut Kamsiah Abdullah (1993) pula, antara sub-kemahiran yang perlu ada dalam penulisan karangan ialah kebolehan menulis mengikut isi dan topik yang sesuai, isi yang mencukupi, idea yang segar dan asli, menjalin perenggan dengan baik, pengenalan yang jelas, gaya bahasa yang berkesan dan penutup yang kemas. Oleh itu, keberkesanan dalam penulisan karangan bentuk naratif yang baik memerlukan kemahiran menulis yang mampu menggabungkan kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan organisasi yang mantap di samping penggunaan gaya bahasa yang bersesuaian.



KAEDAH KAJIAN

Guru menggunakan Kajian Pengajaran Secara Eksplisit kepada kumpulan murid yang terlibat dalam kajian ini. Data diperoleh melalui cara pemerhatian, respons murid dan analisis karangan murid. Seramai 24 orang murid Darjah 5 dipilih sebagai sampel kajian. Murid menulis sebuah karangan naratif berdasarkan sebuah gambar yang diberi. Tiada perbincangan berkaitan bahasa figuratif yang diberikan sebelum aktiviti menulis karangan dimulakan.

Masa yang diperuntukkan untuk menulis karangan (dengan menggunakan sekurang-kurangnya 150 patah perkataan) tersebut ialah 50 minit. Tugasan ini dilakukan di dalam bilik darjah. Setiap karangan dianalisis untuk mengenal pasti bilangan bahasa figuratif yang digunakan dalam setiap karangan serta penggunaan gaya bahasa tersebut mengikut konteks.

Subjek Kajian

Kumpulan sasaran bagi kajian ini ialah murid Bahasa Melayu Darjah 5. Secara umum, tahap keupayaan murid adalah sederhana. Murid-murid sudah dilengkapi dengan kemahiran menulis karangan menggunakan perenggan. Murid-murid juga sudah diperkenalkan bahasa figuratif yang mudah seperti simili, frasa berbunga yang mudah dan serta peribahasa semasa Darjah 4.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggabungkan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Bagi kaedah kuantitatif, guru-guru membuat perbandingan berdasarkan pratulisan dan pascatulisan karangan naratif murid-murid. Sesi pemantauan di dalam kelas, lapor balik daripada borang refleksi murid dan bukti dokumentasi bagi menentukan keberkesanan pengajaran bahasa figuratif jenis metafora.

Penilaian terhadap hasil kerja murid melalui rubrik penilaian mengarang juga dijalankan. Maklumat-maklumat yang diperoleh digunakan untuk mengemaskini jurang yang timbul dan memperbaiki mana-mana bahagian pengajaran yang kurang berkesan atau memerlukan tindakan susulan.



Prosedur Kajian

Sebelum kajian pengajaran ini dijalankan, murid-murid pernah diajar penulisan karangan naratif dengan menggunakan Simili semasa di peringkat Darjah 4, frasa berbunga dan peribahasa yang terdapat dalam senarai yang ditetapkan untuk Darjah 3 dan 4. Sebelum pengajaran ini juga, murid-murid telah diberi sekeping gambar dan murid-murid telah disuruh menulis tentang gambar itu sebagai aktiviti prapenulisan.

Berikut adalah langkah-langkah pengajaran mengikut strategi Pengajaran Secara Eksplisit ini:

1. Pengenalan/ Induksi (tugasan individu) – hasil pembelajaran
2. *Modeling* (Guru menunjukkan contoh kepada seluruh kelas)
3. Latihan terbimbing (tugasan berkumpulan)
4. Latihan Kendiri
5. Penutup dan aktiviti susulan (tugasan individu)

Peringkat Pengenalan

Setelah guru menyatakan objektif untuk hari itu bahawa murid-murid harus boleh menggunakan metafora dalam penulisan karangan naratif mereka, guru akan menunjukkan lirik sebuah lagu melalui slaid PowerPoint dan menyuruh murid-murid membacakan lirik lagu itu.

Kemudian guru akan memainkan lagu ‘Isabella’ melalui *youtube* dan meminta murid menyatakan beberapa perkataan yang menarik perhatian mereka. Murid-murid kemudian disuruh menambah perkataan-perkataan lain yang menunjukkan unsur metafora.

Guru kemudian bertanya murid apakah maksud perkataan-perkataan tersebut lalu guru menjelaskan kepada murid bahawa perkataan-perkataan itu merupakan antara contoh unsur metafora yang digunakan dalam lirik lagu tersebut.



Peringkat Penerangan

Guru menunjukkan slaid yang mengandungi perkataan-perkataan yang diambil dari lirik lagu itu. Guru akan bertanya murid akan pemahaman mereka akan perkataan-perkataan ini. Perbincangan tentang makna metafora-metafora ini berlaku di antara guru dan murid. Guru kemudian menerangkan definisi metafora kepada murid dan menerangkan perkara-perkara berikut mengenai metafora:

1. Metafora ialah pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan.
2. Metafora tidak menggunakan perkataan-perkataan seperti seolah-olah, ibarat, seakan-akan, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpama.
3. Metafora lazimnya terdiri daripada dua buah perkataan.

Kemudian, guru juga menerangkan bahawa penggunaan metafora bergantung kepada kreativiti pelajar untuk menyampaikan sesuatu perasaan, benda atau keadaan. Guru akan menerangkan setiap metafora yang dipaparkan kepada murid dan menerangkan penggunaan metafora dalam ayat-ayat. Kemudian, murid-murid ditunjukkan pula contoh-contoh petikan pendek. Contoh-contoh metafora lain dan penggunaannya dalam ayat-ayat lengkap juga akan ditunjukkan melalui slaid. Murid-murid dikehendaki menyalin metafora yang telah dipelajari di kertas latihan yang diberi.

Peringkat *Modeling*

Guru menunjukkan gambar-gambar seperti hujan lebat dengan petir sambar-menyambar. Guru juga menunjukkan cara membina metafora berdasarkan gambar yang ditunjukkan. Guru kemudian mengajak murid menggunakan perkataan-perkataan yang ditunjukkan untuk membina metafora bagi gambar yang ditunjuk. Guru menggalakkan murid-murid untuk membina metafora daripada perkataan angin, hujan, awan dan petir lalu mencatatkan di kertas sebak. Guru juga membantu murid dengan menunjukkan slaid yang mengandungi contoh-contoh metafora yang boleh dibina dengan



menggunakan perkataan-perkataan tersebut. Kemudian, guru menyuruh murid mencatat contoh-contoh metafora tersebut di kertas latihan yang diberi. Contoh-contoh yang diberi:

1. *Angin kehidupan*
2. *Hujan kasih*
3. *Awan kesedihan*
4. *Petir dugaan*

Setelah murid-murid memberi contoh-contoh ayat, guru akan menyuruh murid membaca bersama-sama ayat-ayat yang telah dibina.

Contoh ayat:

1. *Angin kehidupan* Ghani sekeluarga semakin tidak menentu semenjak kehilangan ayahnya sewaktu tragedi tsunami yang lalu.
2. Suzi dapat merasakan *hujan kasih* ibunya yang rela berkorban nyawa untuk menyelamatkan harta benda mereka semasa banjir melanda kawasan mereka itu.
3. Pak Mat sentiasa diselimuti *awan kesedihan* sejak musim ribut melanda kerana tidak dapat ke laut untuk mencari rezeki.
4. Berita tentang kebakaran hutan di kampung Azmi bagai satu *petir dugaan* baginya yang harus dihadapi dengan tabah.

Kemudian guru akan menunjukkan slaid seterusnya yang mempunyai gambar yang berbeza dan menyuruh mereka membina metafora seperti proses yang dilakukan pada gambar yang pertama. Murid-murid mencatat metafora yang dibina di Lembaran kerja yang disediakan.

Mereka membina ayat daripada metafora bagi Gambar 2. Kemudian, guru akan meneliti setiap ayat bersama murid, membetulkan ayat murid dan meminta murid membaca bersama-sama. Murid juga harus mencatat contoh ayat yang telah dibina di lembaran kerja.



Peringkat Latihan Terbimbing

Aktiviti 1

Guru memberikan tugas secara berkumpulan, guru akan menunjukkan slaid seterusnya dan meminta murid meneliti gambar secara berkumpulan. Guru meminta setiap kumpulan membina sekurang-kurangnya 3 Metafora berdasarkan gambar. Murid membacakan Metafora yang telah dibina. Guru akan mencatatkan semua Metafora di kertas sebak. Guru akan membetulkan kesilapan yang mereka buat kemudian guru akan meminta murid menjelaskan metafora yang telah dibina. Murid-murid juga diingatkan untuk mencatatkan metafora pada Lembaran Kerja yang diberi masing-masing.

Aktiviti 2

Untuk aktiviti 2, guru akan menunjukkan slaid seterusnya dan menerangkan tentang aktiviti. Guru meminta murid membina ayat dengan menggunakan metafora yang telah dibina di Aktiviti 1. Guru mencatatkan beberapa ayat contoh di kertas sebak dan meminta murid membaca ayat-ayat yang dibina lalu membetulkan kesilapan-kesilapan murid.

Latihan Kendiri

Aktiviti 3

Guru akan menunjukkan contoh metafora dan ayat yang telah murid pelajari. Dalam latihan sendiri, murid-murid dikehendaki menggunakan sekurang-kurangnya 2 metafora yang telah dibina secara berkumpulan atau mereka boleh memilih metafora yang guru catatkan di kertas sebak atau yang mereka telah salin.

Kemudian mereka harus menulis teks pendek antara 100-120 patah perkataan berdasarkan metafora yang telah dipilih. Dalam aktiviti ini, guru akan memantau kerja murid, memberikan bantuan kepada murid yang memerlukan. Guru juga akan meminta dua pasangan untuk membacakan teks mereka dan meminta pandangan murid yang lain



Peringkat Penutup

Sebagai penutup, guru merumuskan pengajaran yang telah dijalankan pada hari tersebut. Kemudian, guru mengulang semula objektif yang ingin dicapai dalam sesi pembelajaran. Guru juga mendapatkan respons murid mengenai apa yang telah mereka pelajari. Kemudian, guru menjelaskan sekali lagi penerangan mengenai unsur metafora bagi mengukuhkan pengetahuan murid. Guru kemudian meminta murid melengkapkan borang rubrik dan menyuruh murid mencatatkan di kertas Past perkara yang telah mereka pelajari pada hari tersebut. Guru juga meminta murid menampal Post-it di tempat yang disediakan guru sebelum murid keluar dari kelas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN





Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan menggalakkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid berupaya menulis dengan kreatif dengan menggunakan bahasa figuratif yang telah diajarkan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru lebih efektif dalam pengajaran dengan bantuan sokongan seperti rancangan pengajaran dan bahan-bahan yang telah disediakan. Sementara murid telah dapat menghasilkan karangan yang lebih kreatif dan bermutu. Murid juga berasa yakin untuk menghasilkan penulisan mereka . Dengan pelbagai bahan sokongan yang disediakan, guru dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah dan berkesan.

Berdasarkan rubrik yang telah diberi juga menunjukkan bahawa murid-murid lebih memahami tentang metafora dan dapat menggunakannya dalam penulisan karangan mereka dengan lebih baik.



Jadual 1: Dapatan Sesi Uji Cuba (Metafora)

Bil	Perkara				
	Saya dapat...				
1.	memahami makna unsur Metafora.	16 (62.5%)	6 (25%)	2(8.3%)	-
2.	memberikan Metafora yang tepat.	9 (37.5%)	9(37.5%)	5(20.8%)	1(6%)
3.	mengenal pasti unsur Metafora dalam ayat.	10(41.7%)	9(37.5%)	4(15%)	1(6%)
4.	membina unsur Metafora saya sendiri.	9(37.5%)	10(41.7%)	3(12.5%)	2(8.3%)
5.	membina ayat dengan menggunakan unsur Metafora.	14 (58.3)	6(25%)	4(23%)	-
6.	menggunakan pengetahuan tentang unsur Metafora bagi menghasilkan penulisan.	10(41.7%)	7(29.2%)	5(20.8%)	2(8.3%)

KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini, guru-guru mendapati bahawa dengan pengajaran secara eksplisit kebanyakan murid-murid dapat membina dan menggunakan Metafora dalam penulisan naratif mereka dengan lebih yakin. Implikasi kajian ini terhadap kurikulum adalah perlunya dan pentingnya mengajarkan aspek gaya bahasa figuratif dalam penulisan karangan peringkat pertengahan di sekolah rendah. Penggunaan seperti metafora dalam karangan naratif dapat meningkatkan mutu penulisan murid.

Murid dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan penggunaan metafora. Penggunaan metafora telah meningkatkan mutu dan mencantikkan bahasa penulisan murid-murid. Selain itu, metafora juga dapat membantu murid untuk menggambarkan sesebuah situasi dengan lebih jelas. Hal ini dapat dilihat oleh murid apabila mereka melakukan kerja kumpulan dan juga penulisan karangan yang diberikan guru sebagai tugas selepas pengajaran secara eksplisit.

Berdasarkan dapatan kajian ini juga, guru-guru mendapati bahawa untuk memperbaiki mutu karangan naratif murid, murid-murid harus diberi pendedahan secara eksplisit supaya mereka dapat memahami penggunaan Bahasa figuratif dalam penulisan karangan naratif. Guru-guru juga perlu



diberikan maklumat berkaitan bahasa figuratif dan juga teknik dan kaedah mengajar yang lebih sesuai. Guru-guru juga boleh memberikan senarai Metafora yang boleh digunakan semasa menulis sesebuah karangan kepada murid-murid.

Walau bagaimanapun, murid perlulah memahami maksud metafora terlebih dahulu sebelum menggunakannya dalam penulisan mereka. Disebabkan karangan naratif memerlukan murid mengemukakan idea yang kreatif, maka unsur kreativiti dalam penulisan juga perlu diberi keutamaan dalam proses latihan. Oleh itu, murid perlu didedahkan cara menulis karangan naratif menerusi latihan yang secara sistematik dan model penulisan yang sesuai.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar (2006). Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan. Kuala Lumpur

Catherine Lewis; Rebecca Perry; Aki Murata. (2006) Educational Researcher; Apr 2006; 35, 3; ProQuest Education Journals pg. 3. How Should Research Contribute to Instructional Improvement? The Case of Less..

Donn Byrne(1988). Teaching Writing Skills : Longman Handbooks for Language Teachers. London. Longman Publishing Group

Kamsiah H. Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan - satu kajian tentang matlamat fungsional dan prestasi murid-murid sekolah menengah di Singapura. Jurnal Dewan Bahasa. 37(6),484-493

Yahya Othman dan Nurulilham Haji Tuah (2011). dalam "Penggunaan gaya bahasa dalam penulisan karangan naratif pelajar prauniversiti di Brunei Darussalam" <http://www.ubd.edu.bn/>

